



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN KEARIFAN SAINS DALAM PERIBAHASA TAMIL

JEFFREY DEVATHANJAM A/L SELLVARAJ



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



KAJIAN KEARIFAN SAINS DALAM PERIBAHASA TAMIL

JEFFREY DEVATHANJAM A/L SELLVARAJ



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

UPSI/IPS-3/BO 32

Pind : 00 m/s: 1/1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 5 July 2020.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **Jeffrey Devathanjam A/L Sellvaraj No. Matrik 20171000987** dari **Fakulti Bahasa Dan Komunikasi** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Kajian Kearifan Sains Dalam Peribahasa Tamil** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar


ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Dr. Manonmani Devi A/P M.A.R. Annamalai** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Kajian Kearifan Sains Dalam Peribahasa Tamil** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **Sarjana Sastera**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: _____

No. Matrik / Matric No.: _____

Saya / I : _____

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun terpaksa menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Segala pencapaian yang dikecapi oleh saya adalah datang daripadaNya.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Manonmani Devi Annamalai, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh beliau sehingga membawa kepada penghasilan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada Dr. Saravanan P. Veeramuthu, pensyarah Universiti Sains Malaysia diatas segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik yang baik. Tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi memberikan bantuan profesional dan berkongsi pengalaman mereka sepanjang pengajian saya. Segala pengalaman yang dilalui bersama mereka pasti tidak dapat dilupakan.

Terima kasih juga kepada pihak Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah menganugerahkan biasiswa untuk saya melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat ini. Di samping itu, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada pihak Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Pengajian India Universiti Malaya dan Perpustakaan Tun Razak.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, En. Sellvaraj dan Pn. Mary Bathsheba Selvarani yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada isteri tersayang, Pn. Yasodha, dua anak lelaki iaitu Siddarth dan Gautam dan kakak saya Pn. Elizabeth Jayarani atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa mereka sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dicurahkan amat saya hargai dan akan saya ingati sehingga akhir hayat saya. Di samping itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan saya iaitu Pn. Parameswary, En. Kanesan, En. Mathanaraj dan Pn. Mageswary yang banyak membantu saya dalam proses penyiapan kajian ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





ABSTRAK

Kesusasteraan Tamil menunjukkan kearifan pengetahuan masyarakat Tamil dalam pelbagai bidang termasuk bidang sains. Kearifan pengetahuan sains masyarakat Tamil terserlah didalam peribahasa Tamil yang juga satu komponen penting dalam kesusasteraan Tamil. Namun, kajian-kajian lepas menunjukkan pengetahuan tentang peribahasa Tamil ini sangat tipis dalam kalangan generasi muda. Kebanyakan kajian peribahasa Tamil adalah lebih tertumpu kepada bentuk, maksud tersirat, unsur budaya dan penggunaan peribahasa dalam kesusasteraan klasik Tamil lama. Manakala, kajian terhadap peribahasa Tamil dari perspektif sains amat kurang. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti peribahasa Tamil yang mengandungi unsur sains dan mentafsirkannya dari segi penggunaan perkataan dan maknanya. Kajian ini juga dijalankan untuk mengupas kearifan pengetahuan sains masyarakat Tamil berdasarkan peribahasa yang dikaji. Peribahasa-peribahasa Tamil yang berkaitan dengan fakta sains dikumpul kemudiannya dianalisis berdasarkan kaedah analisis dokumen. Kajian ini juga menggunakan Teori Hermeneutik untuk memahami dan mentafsir makna peribahasa Tamil dengan lebih terperinci. Data-data yang dikumpul dikelaskan kepada dua kategori utama iaitu bidang zoologi dan sains pertanian. Kesimpulannya, hasil penelitian terhadap peribahasa Tamil mendapati bahawa peribahasa Tamil bukan sahaja mempunyai nilai moral dan ajaran yang berasaskan budaya malahan mengandungi maklumat yang berasaskan zoologi dan sains pertanian. Hasil kajian ini, diharapkan dapat membuka minda generasi muda masyarakat Tamil untuk menjiwai peribahasa Tamil dari sudut sains dan menghargai kearifan masyarakat Tamil yang telah menyelitkan fakta-fakta zoologi dan sains pertanian dalam peribahasa Tamil.





RESEARCH ON SCIENCE WISDOM IN TAMIL PROVERBS

ABSTRACT

Tamil literature reflects the wisdom of Tamil community in various fields including science. The knowledge of science is embedded in Tamil proverbs which is an important component in Tamil literature. However, recent studies show that the younger generation of Tamil community does not have much knowledge on Tamil proverbs. Most studies of Tamil proverbs are more focused on form, meaning, cultural elements and usage of proverbs in Tamil classical literature. There are evidences that show lack of studies on the perspective of science in Tamil proverbs. Hence, this study was conducted to identify Tamil proverbs that contain elements of science and interpret them in terms of words usage and their meanings. This study also captures the knowledge of science in Tamil community based on the study's subject matter. Tamil proverbs related to the facts on science were collected and analysed based on the document analysis method. This study also uses the Hermeneutic Theory to have a better understanding and interpretation on the meaning of Tamil proverbs. The data collected are classified into two main categories such as zoology and agricultural science. In conclusion, the research on Tamil proverbs showed evidences of zoological and agricultural science wisdom in Tamil proverbs besides moral and cultural values. The results of this study is expected to attract younger generation of Tamil community to look at Tamil proverbs from the perspective of science and appreciate the wisdom of Tamil community which incorporates the facts of zoology and agricultural science in Tamil proverbs.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
-------------------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
---	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----



SENARAI JADUAL	xv
-----------------------	----

SENARAI RAJAH	xvi
----------------------	-----

TRANSLITERASI	xvii
----------------------	------

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	3
---------------------------	---

1.3 Pernyataan Masalah	5
------------------------	---

1.4 Objektif Kajian	8
---------------------	---



1.5	Soalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Batasan Kajian	11
1.8	Definisi Operasional	12
1.9	Kesimpulan	13

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Istilah Peribahasa	16
2.3	Peribahasa Dari Perspektif Sarjana	17
2.3.1	Perspektif Sarjana Barat dan Tempatan	17
2.3.2	Peribahasa Dari Perspektif Sarjana Tamil	20
2.4	Peribahasa Tamil Dalam Pelbagai Aspek	23
2.4.1	Sejarah Peribahasa Tamil	23
2.4.2	Sumber-sumber Kewujudan Peribahasa Tamil	24
2.4.2.1	Pengalaman Hidup	25
2.4.2.2	Kearifan dan Kebijaksanaan	26



2.4.2.3	Kitab-kitab Suci	27
2.4.2.4	Nilai-nilai Moral Dalam Cerita Dongeng	28
2.4.2.5	Peristiwa-peristiwa Khayalan	29
2.5	Ciri-ciri Peribahasa Tamil	30
2.5.1	<i>Nuṇmai</i>	32
2.5.2	<i>Curukkam</i>	32
2.5.3	<i>Oḷi</i>	32
2.5.4	<i>Uṭaimai</i>	32
2.5.5	<i>Meṇmai</i>	33
2.5.6	<i>Kuṛitta poruḷai muṭittal</i>	33
2.5.7	<i>Ētu nutalutal</i>	34
2.6	Konsep Sains	34
2.6.1	Pengertian Sains	35
2.7	Sains dan Kesusasteraan Tamil	37
2.8	Zoologi dan Kesusasteraan Tamil	39
2.9	Sains Pertanian dan Kesusasteraan Tamil	41



2.10	Kajian-kajian Terdahulu	43
2.11	Kesimpulan	56

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	58
3.2	Reka bentuk Kajian	59
3.3	Kajian Kualitatif	61
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	63
3.5	Kaedah Kajian Perpustakaan	64
3.6	Pemilihan Sampel Data	65
3.7	Kaedah Pengkategorian Data	66
3.8	Cabang Sains Yang Dikaji	66
3.8.1	Sains Pertanian	67
3.8.1.1	Sains Tanaman	67
3.8.1.2	Sains Tanah	68
3.8.1.3	Penternakan Haiwan	68
3.8.1.4	Kejuruteraan Pertanian	68



3.8.1.5 Ekonomi Pertanian	69
3.8.2 Zoologi	69
3.8.2.1 Fisiologi Haiwan	69
3.8.2.2 Tingkah laku Haiwan	70
3.9 Pengetegorian Peribahasa	70
3.9.1 Kategori Sains Pertanian	70
3.9.2 Kategori Zoologi	71
3.10 Kaedah Penganalisisan Data	71
3.10.1 Kaedah Analisis Dokumen	72
3.10.1.1 Justifikasi Pemilihan Kaedah Analisis Dokumen	73
3.10.1.2 Proses Analisis Dokumen	74
3.10.1.3 Kelemahan Analisis Dokumen	75
3.11 Teori Hermeneutik	76
3.11.1 Teori Hermeneutika Objektif	77
3.11.2 Justifikasi Pemilihan Teori Hermeneutika	78
3.11.3 Kerangka Teori Kajian	79



3.12	Kesimpulan	80
------	------------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	81
4.2	Senarai Peribahasa Tamil dan Aspek-Aspek Zoologi	82
4.2.1	Aspek Tingkah laku Haiwan	82
4.2.2	Aspek fisiologi haiwan	84
4.3	Analisis Peribahasa Tamil Dari Perspektif Zoologi	87
4.3.1	Analisis Peribahasa Tamil Dari Perspektif Tingkah laku Haiwan	87
4.3.2	Analisis Peribahasa Tamil Dari Perspektif Fisiologi Haiwan	98
4.4	Senarai Peribahasa Tamil dan Aspek-Aspek Sains Pertanian	115
4.4.1	Aspek Sains Tanaman	116
4.4.2	Aspek Sains Tanah	118
4.4.3	Aspek Ekonomi Pertanian	120



4.5	Analisis Peribahasa Tamil Dari Perspektif	
	Sains Pertanian	122
4.5.1	Analisis Peribahasa Tamil Dari Perspektif	
	Sains Tanaman	122
4.5.2	Analisis Peribahasa Tamil Dari Perspektif	
	Sains Tanah	144
4.5.3	Analisis Peribahasa Tamil Dari Perspektif	
	Ekonomi Pertanian	158
4.6	Kesimpulan	162



BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	163
5.2	Perbincangan Ringkasan Kajian	164
5.3	Perbincangan Penemuan Kajian	166
5.3.1	Penemuan Aspek Zoologi	166
	5.3.1.1 Penemuan Aspek Tingkahlaku Haiwan	167
	5.3.1.2 Penemuan Aspek Fisiologi Haiwan	168
5.3.2	Penemuan Aspek Sains Pertanian	170





5.3.2.1	Penemuan Aspek Sains Tanaman	171
5.3.2.2	Penemuan Aspek Sains Tanah	173
5.3.2..3	Penemuan Aspek Ekonomi Pertanian	174
5.4	Cadangan Kajian	175
5.5	Kesimpulan Dapatan Kajian	176
RUJUKAN		178





SENARAI JADUAL

1.	Senarai Peribahasa Tamil Berdasarkan Aspek Tingkah laku Haiwan	83
2.	Senarai Peibahasa Tamil Berdasarkan Aspek Fisiologi Haiwan	83
3.	Jumlah Peribahasa Tamil Berdasarkan Aspek Zoologi	86
4.	Senarai Peribahasa Tamil Berdasarkan Aspek Sains Tanaman	116
5.	Senarai Peribahasa Tamil Berdasarkan Aspek Sains Tanah	119
6.	Senarai Peribahasa Tamil Berdasarkan Aspek Ekonomi Pertanian	121
7.	Jumlah Peribahasa Tamil Berdasarkan Aspek Sains Pertanian	121





SENARAI RAJAH

1.	Kerangka Rekabentuk Kajian	60
2.	Kerangka Teori	79





TRANSLITERASI

Penggunaan transkripsi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam Tamil Paranar. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf Bahasa Tamil :-

உயிரெழுத்துகள் / Huruf-huruf Vokal

அ - a

ஈ - ī

எ - e

ஓ - o

ஆ - ā

உ - u

ஏ - ē

ஔ - ō

இ - i

ஊ - ū

ஐ - ai

ஔ - au

மெய்யெழுத்துகள் / Huruf-huruf Konsonan

க - K

ங் - ṅ

ய் - Y

ன் - N

ச - c

ஞ் - ñ

ர் - r

ற் - ṛ

ட் - ṭ

ண் - ṇ

ல் - l

ள் - ḷ

த் - t

ந் - n

வ் - v

ஃ - ḥ

ப் - p

ம் - m

ழ் - ḷ





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Sains merupakan satu bidang ilmu yang menjadi sendi yang penting dalam kehidupan seharian manusia. Pengaruh bidang ini terhadap kehidupan manusia amat mendalam dan bukannya semata-mata secara luaran sahaja. Rahmat yang diperoleh oleh umat manusia sejagat melalui hasil ciptaan sains begitu luas dan ini dapat dilihat melalui penggunaan pelbagai teknologi dalam kehidupan harian kita. Walaupun sains seringkali dikaitkan dengan perkembangan teknologi ataupun ciptaan baharu, namun sains sebenarnya mencakupi hampir sebahagian besar cara hidup kita.

Menurut Kamus Komprehensif Bahasa Melayu (2005), sains adalah ilmu pengetahuan yang teratur dan dapat dibuktikan kebenarannya. Sains berasal daripada





perkataan Latin, *scientia* yang bermaksud ilmu atau proses memahami kebenaran sesuatu ilmu (Makhsin, 2006). Menurut Ng (2012) pula, sains secara umumnya ialah susunan ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui kajian tentang fenomena alam. Sains juga dapat ditafsirkan sebagai suatu rangkaian konsep yang berkembang hasil daripada eksperimen dan pemerhatian. Sund, R.B. and L.W. Trowbridge (1973) pula melihat sains sebagai '*body of knowledge*' dan proses penemuan pengetahuan.

Secara ringkasnya, kita boleh merumuskan bahawa sains bertindak sebagai suatu produk dan proses. Jika dilihat dengan lebih mendalam lagi, produk sains meliputi fakta, konsep, prinsip, teori dan hukum yang tersendiri. Proses sains pula merangkumi cara-cara kita memperoleh, mengembangkan dan menerapkan pengetahuan yang mencakupi cara kerja, cara berfikir, cara merungkaikan masalah dan sikap. Sains dapat dirumuskan melalui kaedah sistematik, melalui pengamatan eksperimen dan induksi.

Science isn't just test tubes or strange apparatus. And it's not just frog dissection or names of plant species. Science is a way of thinking, a vital, ever growing way of looking at the world. It is a way of discovering how the world works.

(Spangenburg & Diane, 1994, p. vii)

Cara berfikir dan pengetahuan bersifat saintifik bukanlah sesuatu yang asing dalam tradisi masyarakat Tamil. Masyarakat Tamil sememangnya telah memiliki kearifan dalam bidang sains sejak dahulu lagi (Mahadevan, 2004). Hal ini terbukti melalui kelahiran beberapa orang ahli sains Tamil yang terkemuka di persada dunia seperti Srinivasa Ramanujan, Sir C.V. Raman, Venkatraman Radhakrishnan, A.P.J Abdul Kalam dan ramai





lagi. Namun begitu, kearifan pengetahuan sains ini bukan sahaja ada pada golongan ahli sains sahaja, tetapi juga masyarakat Tamil secara umumnya, memandangkan ia merupakan sebahagian daripada kehidupan mereka.

Pada dasarnya, kebanyakan bahasa yang wujud di dunia merangkumi dua bentuk sastera iaitu sastera lisan dan sastera tulisan. Pengetahuan yang ada pada sesuatu bangsa jelas terserlah dalam bahasannya dan seterusnya terakam dalam pelbagai karya sastera lisan dan tulisannya. Seajar dengan itu, pengetahuan dan pemikiran yang bersifat sains bangsa Tamil juga tersimpul dalam sastera lisan khususnya dalam koleksi peribahasa yang dicipta oleh mereka.



1.2 Latar Belakang Kajian

Peribahasa dirujuk sebagai bentuk ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian tertentu. Tidak dapat dinafikan bahawa peribahasa adalah seusia dengan bahasa sesuatu bangsa. Peribahasa mula-mula digunakan apabila sesuatu bangsa mula mengenali peradaban, ketika kehidupan manusia perlu diatur, menyedari batasan yang baik dengan yang buruk perlu ditetapkan, untuk menjadikan pendinding tatatertib pergaulan dan perhubungan sesama manusia (Abdullah Hussain, 1991). Peribahasa sesuatu bangsa tidaklah lahir secara tiba-tiba, tetapi sebaliknya berkembang setelah diuji akan kebenaran sesuatu perkara ataupun isu melalui pemerhatian bijak dan pemikiran pantas. Bentuk peribahasa adalah ringkas dan tepat dengan maksud yang hendak dicapai dan mengandungi kebenaran yang terbit daripada pengalaman sendiri





ataupun hasil pemerhatian terhadap apa yang berlaku kepada diri orang lain. Susunan kata yang ringkas ini, kemudiannya disebarkan dari mulut ke mulut apabila manusia berhubung antara satu sama lain dan menggunakan kata-kata tersebut berulang-ulang sehingga ia dikenali umum. Pada masa itulah, timbul pelbagai istilah yang merujuk kepada kata-kata tersebut seperti peribahasa, bidalan, pepatah dan perumpamaan yang semuanya mendukung maksud yang sama (Zainal Abidin Ahmad, 2002).

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Tamil amat kaya dengan kandungan ribuan peribahasa yang merangkumi pelbagai bidang. Kebanyakan peribahasa yang terdapat dalam bahasa Tamil mencerminkan budaya masyarakat Tamil itu sendiri. Menurut Perumal (1969), peribahasa Tamil mempunyai kaitan yang rapat dengan kehidupan dan pemikiran bangsa Tamil. Peribahasa Tamil dituturkan secara lisan semenjak zaman-berzaman dan disampaikan secara kreatif dalam tradisinya serta diperturunkan dari generasi ke generasi dalam kalangan masyarakat Tamil. Kata-kata ini disampaikan untuk memberi pengajaran dan memupuk nilai-nilai moral yang amat berharga kepada masyarakat (Jayakumar, 1995). Menyedari akan hakikat ini, penutur bahasa Tamil seringkali menggunakan peribahasa Tamil untuk memberi kesan yang mendalam terhadap para pendengarnya.

Selain daripada memperkayakan khazanah bahasa, peribahasa Tamil turut mencerminkan pandangan dan pengalaman hidup, budaya, corak pemikiran, kepercayaan, psikologi, pekerjaan, agama, nilai, sikap dan pelbagai aspek yang berkaitan dengan masyarakat Tamil. Di samping itu, rakaman peribahasa Tamil juga memperlihatkan





kepekaan masyarakat Tamil terhadap alam dan juga peristiwa-peristiwa yang berlaku di persekitaran mereka (Loorthu, 1969).

Apabila diteliti akan tradisi masyarakat Tamil, didapati bahawa orang Tamil dahulu kala telah cuba menyampaikan pelbagai jenis teguran, nasihat, sindiran, panduan, arahan, teladan dan sebagainya secara halus dan berkesan kepada masyarakat melalui peribahasa. Secara amnya, peribahasa Tamil adalah terbentuk daripada ayat pendek dan ringkas dengan mengandungi keunikan, keistimewaan dan kebenaran tersendiri. Dalam konteks peribahasa Tamil, sebilangan besar daripadanya adalah hasil daripada ahli bijaksana orang Tamil dahulu kala. Dalam setiap peribahasa Tamil, terisi segala isu kemasyarakatan seperti kesusahan, kesenangan dan jenis kehidupan yang telah dialami dan dilalui oleh masyarakat Tamil (Loorthu, 1969).

Pendek kata, peribahasa Tamil merupakan salah satu medium komunikasi yang mencerminkan kearifan dan pengetahuan masyarakat Tamil lama dalam pelbagai bidang dan aspek yang berkaitan dengan masyarakat Tamil lama. Walaupun zaman kian berubah tetapi makna kebanyakan peribahasa Tamil masih tetap relevan dengan kehidupan kita. Pengajaran dan falsafahnya tidak luntur malah memang menjadi panduan hidup kepada masyarakat Tamil lama dan kini.

1.3 Pernyataan Masalah

Peribahasa adalah sebahagian daripada tradisi lisan yang merupakan salah satu cabang sastra rakyat. Penyusunan kosa kata yang lengkap dengan unsur-unsur asonansi dan aliterasi, makna yang mendalam, bahasa yang halus, sopan, merdu, manis dan beradab serta





bentuk ayat yang ekonomis iaitu ringkas, padat dan tepat merupakan keistimewaan dan keunikan yang ada pada peribahasa Tamil (Anandai, 2010). Bukan sekadar itu sahaja, peribahasa juga dilihat sebagai suatu hasil pemikiran rakyat jelata dan para cendekiawan Tamil melalui pandangan dan pengalaman hidup yang tajam dan matang. Di dalamnya, terkandung intipati falsafah pemikiran dan pengetahuan yang mendalam masyarakat Tamil lama yang menonjolkan kearifan masyarakat itu sendiri (Krishnamurthi, 1992). Mieder (1993) menjelaskan bahawa peribahasa yang diketahui umum itu mengandungi ciri-ciri seperti kearifan, kebenaran, moral, pandangan budaya secara metafora dan bentuknya mudah untuk dihafal.



Sungguhpun, peribahasa mempunyai pelbagai keistimewaan yang unik, namun pengetahuan tentang peribahasa ini sangat cetek dalam kalangan masyarakat Melayu, Cina dan India sendiri, terutamanya generasi muda (Ragini dan Che Salleh, 2015). Kehidupan generasi muda yang banyak dipengaruhi oleh arus kemajuan sains dan teknologi yang semakin canggih beranggapan peribahasa merupakan bahasa yang lama dan hanya digunakan oleh golongan tua sahaja (Ragini dan Che Salleh, 2015). Untuk memperkukuhkan pernyataan tersebut, dapatan kajian Jalaluddin dan Kasdan (2010) berjaya membuktikan bahawa tahap penguasaan peribahasa dalam kalangan golongan muda adalah kurang daripada tahap memuaskan ataupun berada pada tahap lemah. Hasil kajian sebegini membuktikan bahawa penggunaan peribahasa semakin berkurangan dalam kalangan masyarakat terutama dalam perbualan seharian sehinggalah sebahagian daripada peribahasa berkenaan menjadi begitu asing dalam kalangan remaja, khasnya generasi muda di negara kita, Malaysia (Ragini dan Che Salleh, 2015).





Namun begitu, tidak boleh dikatakan bahawa penggunaan peribahasa Tamil sudah mulai luput sehinggakan tidak berupaya memikat hati ramai pengkaji Tamil. Sehingga kini, peribahasa Tamil masih dikumpul dan dikaji oleh sarjana-sarjana bahasa tetapi usaha ini kelihatan lebih terbatas dan terhad. Kajian-kajian yang dijalankan adalah lebih tertumpu kepada bentuk, maksud-maksud tersirat, unsur-unsur budaya, penggunaan peribahasa dalam kesusasteraan klasik Tamil lama dan sebagainya. Dalam pada itu, kajian yang melibatkan penyelidikan peribahasa Tamil dari perspektif sains amatlah kurang.

Sains adalah satu bidang ilmu yang berdiri dengan tersendiri dan peribahasa sering dilihat tidak mempunyai kaitan dengan bidang sains. Percanggahan ini berlaku kerana pengetahuan sains selalunya dilihat hanya wujud melalui hasil kajian eksperimental sahaja. Namun demikian, sepertimana peribahasa, sains juga telah wujud ataupun bermula daripada pengetahuan sesuatu masyarakat (Wan Hassan, 1990). Oleh itu, dapat ditekankan bahawa peribahasa dan sains mempunyai satu persamaan yang nyata, iaitu kedua-duanya adalah wujud daripada pengetahuan masyarakat.

Sehubungan itu, satu kajian tentang peribahasa Tamil dari perspektif sains amat diperlukan. Kajian ini adalah penting kerana dengan hanya mengkaji kearifan pengetahuan sains dalam peribahasa Tamil, pengkaji akan dapat mencungkil pelbagai peribahasa yang berkisarkan bidang sains. Di samping itu, daripada ribuan peribahasa Tamil yang wujud, pengkaji akan dapat mentafsir peribahasa Tamil yang mengandungi unsur sains dari segi penggunaan perkataan dan maknanya. Kajian peribahasa Tamil dari perspektif sains adalah sesuatu yang berbeza jika dibandingkan dengan kajian-kajian peribahasa sebelum ini. Oleh





itu, kajian sebegini akan dapat mengubah perspektif golongan muda terhadap peribahasa Tamil. Selain itu, kajian ini juga akan dapat mencerminkan kearifan pengetahuan sains masyarakat Tamil melalui peribahasa Tamil. Hal ini akan membantu golongan muda untuk mengenali tradisi dan akar umbi masyarakat Tamil dan akhirnya akan membantu mereka untuk menghayati kearifan masyarakat Tamil dahulu.

Lantaran itu, penyelidikan ini cuba mengenal pasti dan mentafsir peribahasa Tamil yang mengandungi kandungan dan nilai sains. Akhirnya, dalam tulisan ini juga penulis cuba mengupaskan kearifan pengetahuan sains dalam masyarakat Tamil.

1.4 Objektif Kajian



Kajian yang berjudul ‘Kajian Kearifan Sains Dalam Peribahasa Tamil’, dilakukan berlandaskan beberapa objektif.

- i. Menenal pasti peribahasa Tamil yang mengandungi unsur zoologi dan sains pertanian yang terdapat dalam buku yang berjudul *Tamilppalamolika!*.
- ii. Mentafsir peribahasa Tamil yang mengandungi unsur zoologi dan sains pertanian dari segi penggunaan perkataan dan maknanya.
- iii. Mengupaskan kearifan pengetahuan zoologi dan sains pertanian masyarakat Tamil berdasarkan peribahasa yang dikaji.





1.5 Soalan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut:

- i. Apakah peribahasa Tamil yang mengandungi unsur zoologi dan sains pertanian yang terdapat dalam buku yang berjudul *Tamilppalamolika!*?
- ii. Apakah maksud peribahasa Tamil yang mengandungi zoologi dan sains pertanian dari segi penggunaan perkataan dan maknanya?
- iii. Sejauh manakah kearifan pengetahuan zoologi dan sains pertanian masyarakat terpancar dalam peribahasa yang dikaji?



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap agar dapat mengukur kearifan pengetahuan zoologi dan sains pertanian dalam konteks peribahasa Tamil. Di samping itu, kajian ini juga diharap agar dapat dijadikan sebagai garis panduan kepada penghayatan peribahasa Tamil yang menampilkan kearifan kandungan zoologi dan sains pertaniannya.

Selain itu, hasil kajian ini turut diharap dapat memberikan sumbangan dari segi keperluan pendidikan dan pengajaran. Dengan hasil kajian ini, para pendidik akan dapat mengetahui tentang unsur-unsur zoologi dan sains pertanian yang terkandung di dalam peribahasa Tamil dan dapat diperkenalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di





sekolah. Kajian ini penting kepada guru khususnya guru-guru bahasa Tamil bagi mengajar peribahasa Tamil yang mengandungi pengetahuan zoologi dan sains pertanian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, kajian ini juga dapat membantu guru untuk melahirkan generasi muda yang bukan sahaja celik sains malah merentasi bidang ilmu.

Kajian kearifan pengetahuan sains dalam peribahasa Tamil juga diharap dapat dijadikan rujukan para siswazah dan bakal pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan dalam bahasa-bahasa lain. Bahkan kajian ini juga diharap memberi kesedaran dan mendorong para peminat kesusasteraan untuk mengenali peribahasa Tamil dengan lebih mendalam lagi.



Di samping itu, kajian ini juga diharapkan memberi panduan kepada pihak penggubal dasar pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia agar dapat bertindak wajar dalam menentukan peribahasa-peribahasa untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Bahasa Tamil. Hal ini kerana peribahasa yang mengandungi pengetahuan zoologi dan sains pertanian dapat digunakan untuk pengabungjalinan mata pelajaran terutamanya mata pelajaran Sains. Ia akan lebih membantu para guru menyediakan rancangan pengajaran mereka.

Tambahan pula, sehingga kini belum ada satu kajian yang komprehensif dibuat mengenai tajuk ini. Berdasarkan hakikat ini, kajian ini menjadi sesuatu yang wajar dijalankan khususnya dalam usaha menghidupkan semula penggunaan peribahasa Tamil yang merupakan khazanah sastera lisan dan tulisan masyarakat Tamil.





1.7 Batasan Kajian

Kajian peribahasa Tamil khususnya dipilih dari kamus peribahasa Tamil yang bertajuk *Tamilppalamolika!* yang ditulis oleh K.V. Jagannathan. Buku ini diterbitkan pada tahun 2001 dan merupakan satu-satunya kamus peribahasa Tamil yang telah mengumpul sebanyak 21,000 buah peribahasa. Koleksi peribahasa yang banyak ini dapat memberi peluang kepada pengkaji untuk mentafsir dan memilih peribahasa-peribahasa yang sesuai mengikut objektif kajian. Hal ini memudahkan pengkaji untuk menentukan batasan dan skop bidang kajian ini.

Di samping itu, pengkaji juga meletakkan beberapa batasan dalam pelaksanaan kajian ini. Sains merupakan suatu bidang yang sangat luas dan menjalankan kajian terhadap kesemua bidang sains akan mengambil masa yang sangat lama dan akan merumitkan kajian ini. Oleh itu, pemilihan peribahasa hanya dilakukan ke atas dua bidang utama sahaja iaitu yang berkaitan dengan sains pertanian dan zoologi. Hal ini kerana mengintegrasikan sains pertanian merentasi kurikulum adalah penting di peringkat sekolah. *“Integrating agriculture across the curriculum could enrich student understanding of agricultural concepts and ways of thinking”* (Knobloch, Ball & Allen, 2007, p. 25).

Zoologi pula salah satu cabang bidang biologi dan pelajar-pelajar sekolah menengah berpendapat bahawa matapelajaran biologi adalah sukar dipelajari dan sukar untuk mendapatkan markah yang baik dalam peperiksaan (Chan, 2015). Maka, pengkaji percaya dengan mencungkil maklumat zoologi di sebalik peribahasa Tamil, maka para pendidik dapat menggunakannya sebagai satu elemen merentasi kurikulum.





Selain itu, batasan kedua adalah batasan teori. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Hermeneutik. Kesemua peribahasa yang dikaji dianalisis akan maknanya berdasarkan teori ini.

1.8 Definisi Operasional

Peribahasa

Peribahasa ialah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian tertentu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Selain itu, Peribahasa juga didefinisikan sebagai bidalan, pepatah, kata-kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi maksud serta pengertian yang tertentu untuk dinilai (Kamus Melayu Global, 2006). Kajian ini dijalankan sepenuhnya berdasarkan definisi Kamus Dewan Edisi Keempat.

Sains

Sains dapat didefinisikan sebagai pengetahuan yang diperoleh melalui kajian dan analisis secara sistematik (Webster's Universal English Dictionary, 2007). Menurut Lau (2007), sains adalah satu kaedah untuk mencari jawapan bagaimana sesuatu berlaku dan mengapa ia berlaku. Adnan, Ahmad & Rahman (2015) percaya bahawa sains ialah satu ilmu yang dihasilkan melalui proses cerapan iaitu analisis dengan menggunakan panca indera serta fahaman yang lahir daripadanya. Kajian ini memilih definisi Adnan, Ahmad dan Rahman sebagai panduan untuk menjalankan kajian ini.





Sains Pertanian

Pertanian dapat didefinisikan secara subjektif sebagai sains dan seni penanaman tanah (Oxford English Dictionary, 1971). Sains pertanian pula ditakrifkan sebagai pendidikan berkaitan pertanian (International Labour Organization., 1999).

Zoologi

Zoologi boleh didefinisikan dengan mudah sebagai sains kehidupan haiwan (Hubert dan Mable, 1970). Zoologi juga adalah salah satu sains biologi mengenai haiwan dan pelbagai aspek kehidupan haiwan (Villem, Walker, & Barnes, 1999).

Kearifan



Kearifan didefinisikan sebagai kebijaksanaan berasaskan pemikiran yang mendalam (Kamus Melayu Global: 2006). Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) pula mendefinisikan kearifan sebagai memahami sesuatu dengan mendalam atau mempunyai pengetahuan yang luas mengenainya. Kajian ini memilih definisi Kamus Dewan Edisi Keempat sebagai panduan untuk menjalankan kajian ini.

1.9 Kesimpulan

Kajian ini merupakan satu usaha permulaan untuk meninjau kearifan sains dalam peribahasa Tamil. Bab ini membincangkan maklumat-maklumat asas terhadap kajian yang dijalankan. Dalam bab ini, diperjelaskan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah





kajian, soalan kajian, dan objektif kajian. Bab ini juga menyentuh tentang kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Kesemua aspek ini dapat membantu pengkaji untuk membina landasan yang betul untuk mencapai matlamat kajian.

